

**ASM SYARIAH CAPITAL
PROTECTED SECTOR LINKED FUND**

**LAPORAN TAHUNAN
BERAKHIR
19 JANUARI 2015
(TARIKH MATANG)**

PMB INVESTMENT BERHAD (256439-D)

(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)

Tingkat Bawah, Wisma PMB

No. 1A, Jalan Lumut

50400 Kuala Lumpur

Tuan/Puan Yang Dihargai

PMB INVESTMENT BERHAD – MAKLUMAN MENGENAI PRIVASI

Berkuatkuasa 15 November 2013, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) diperkenalkan untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi di dalam transaksi-transaksi komersial.

Kami di PMB INVESTMENT BERHAD menilai tinggi privasi anda dan mengembeleng usaha untuk melindungi maklumat-maklumat peribadi anda dalam mematuhi kehendak-kehendak PDPA. Seiring dengan itu, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengeluarkan Notis Privasi kepada semua pelanggan-pelanggan individu kami.

Kandungan Notis Privasi tersebut melibatkan perkara-perkara mengenai pemprosesan maklumat-maklumat peribadi anda oleh pihak kami berkaitan dengan akaun pelaburan anda dan/atau perkhidmatan dengan kami. Sila luangkan masa untuk membaca dan mengambil maklum mengenai isi kandungan Notis Privasi berkenaan.

Notis Privasi tersebut boleh dicapai di dalam website kami www.pmbinvest.com.my dan/atau di pejabat kami sama ada di ibu pejabat atau cawangan-cawangan kami.

Sila hubungi kami di bahagian Perhubungan Pelabur, talian 03-4145 3900 sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan mengenai perkara ini.

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

PMB INVESTMENT BERHAD

(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)

IBU PEJABAT

Tingkat Bawah, Wisma PMB

No. 1A, Jalan Lumut

50400 Kuala Lumpur

Tel: (03) 4145 3800 Faks: (03) 4145 3901

E-mel: enquiry@pelaburanmara.com.my

Laman Web: www.pmbinvest.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Datuk (Dr.) Zamani bin Md. Noor - Pengerusi

Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul

Dato' Mohammad Safie bin Asnan @ Asnawi

(Berkuatkuasa mulai 20 Oktober 2014)

Prof. Dr. Faridah binti Hj Hassan

Mansoor bin Ahmad

Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

Ahmad Nazim bin Abd Rahman

Ameer Ali bin Vali Mohamed

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Ameer Ali bin Vali Mohamed

SETIAUSAHA SYARIKAT

Shahrizat binti Othman

JAWATANKUASA PELABURAN

Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah

Mansoor bin Ahmad

Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

Mohd Nazri bin Abu Samah

PEMEGANG AMANAH

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

PENASIHAT SYARIAH

BIMB SECURITIES SDN. BHD.

JURUAUDIT

TETUAN AHMAD ABDULLAH & GOH

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	MAKLUMAT TABUNG	5
1.1	NAMA TABUNG	5
1.2	TARIKH PELANCARAN	5
1.3	KATEGORI/JENIS TABUNG	5
1.4	TEMPOH MATANG TABUNG	5
1.5	OBJEKTIF TABUNG	5
1.6	TANDA ARAS TABUNG	5
1.7	DASAR PENGAGIHAN PENDAPATAN	5
1.8	KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT	5
2.	PENCAPAIAN DANA	6 – 7
2.1	KOMPOSISI TABUNG	6 – 7
3.	LAPORAN PENGURUS	8 – 14
3.1	ANALISA PRESTASI TABUNG	8
3.1.1	BANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN OBJEKTIF PELABURAN	8
3.1.2	BANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN TANDA ARAS	8
3.2	ANALISA PRESTASI TABUNG BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT	9
3.3	POLISI DAN STRATEGI PELABURAN	9
3.4	PENGAGIHAN ASET-ASET TABUNG	10

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
3.5	SUASANA EKONOMI NEGARA	11
3.6	SUASANA BURSA SAHAM TEMPATAN	12
3.7	SUASANA PASARAN WANG TEMPATAN SEMASA	13
3.8	PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN	14
3.9	KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT	14
3.10	REBET DAN KOMISEN TIDAK LANGSUNG	14
4.	PENYATAAN PENGURUS	15
5.	LAPORAN JURUAUDIT	16 – 17
6.	PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	18
7.	PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH	19
8.	PENYATA KEWANGAN	20 – 34
9.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	35
10.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	36
11.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	37
12.	BORANG PERTUKARAN ALAMAT	38

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 NAMA TABUNG

ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND (SCPSLF).

1.2 TARIKH PELANCARAN

Dilancarkan pada 29 November 2011 dan mula beroperasi pada 19 Januari 2012.

1.3 KATEGORI/JENIS TABUNG

Pendapatan Tetap (Syariah)/Perlindungan Modal.

1.4 TEMPOH MATANG TABUNG

Tabung telah matang pada 19 Januari 2015 iaitu selepas tiga tahun beroperasi.

1.5 OBJEKTIF TABUNG

Memberi peluang kepada pelabur menikmati kadar pulangan yang lebih tinggi daripada penanda aras Tabung di samping memberi perlindungan modal pelabur di sepanjang tempoh pelaburan.

1.6 TANDA ARAS TABUNG

12 bulan Kadar Rujukan Islam Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Islamic Reference Rates, KLIRR*). Mengikut sumber Bank Negara Malaysia (BNM), *KLIRR* bagi tahun semasa ialah 3.55% setahun.

1.7 DASAR PENGAGIHAN PENDAPATAN

Tiada.

1.8 KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT PADA 19 JANUARI 2015

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	42	38.53	109,600.00	0.08
5,001 - 10,000	16	14.68	121,477.78	0.09
10,001 - 50,000	25	22.93	565,111.89	0.41
50,001 - 500,000	17	15.60	2,263,981.26	1.63
500,001 dan ke atas	9	8.26	135,468,689.02	97.79
Jumlah	109	100.00	138,528,859.95	100.00

2. PENCAPAIAN DANA

2.1 KOMPOSISI TABUNG

Sektor (%)	19 JAN	15 JAN		
	2015	2014	2013	
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC)	-	93.14	91.63	
Ekuiti: Barangan Pengguna	-	0.21	-	
Barangan Industri	-	0.67	0.22	
Pembinaan	-	0.28	-	
Dagangan & Perkhidmatan	-	2.99	1.79	
Kewangan	-	-	0.43	
Hartanah	-	-	0.11	
Perladangan	-	-	2.26	
Infrastruktur	-	0.61	-	
Simpanan AI-Mudharabah, tunai dan lain-lain	100.00	2.10	3.56	
Jumlah	100.00	100.00	100.00	
Maklumat Prestasi				
Nilai Aset Bersih (NAB)	(RM'000)	72,666	72,300	71,259
Unit Dalam Edaran	('000)	138,529	138,668	139,686
NAB Seunit	(RM)	0.5246	0.5214	0.5101
NAB Seunit: Tertinggi	(RM)	0.5285	0.5216	0.5101
: Terendah	(RM)	0.5210	0.5093	0.4963
Jumlah Pulangan #	(%)	0.60	2.22	2.74
Pertumbuhan Modal #	(%)	0.60	2.22	2.74
Pengagihan Pendapatan	(%)	-	-	-
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)	(%)	* 0.85	0.84	0.83
Pusing Ganti Portfolio (PGP)	(kali)	** 0.08	0.06	0.08

Sumber: Lipper

* Peratusan NPP ASM SCPSLF meningkat 0.01 peratusan mata kepada 0.85% bagi tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015 berbanding 0.84% pada tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan saiz purata Tabung sebanyak 1.29% telah diikuti oleh peningkatan dalam jumlah perbelanjaan sebanyak 3.17% dalam tempoh yang sama.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

- ** Peratusan untuk PGP meningkat kepada 0.08 kali bagi tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015 daripada 0.06 kali pada tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan aktiviti penjualan untuk melupuskan semua pegangan dana dalam ekuiti sebelum dana matang.

PURATA PULANGAN (BERAKHIR 19 JANUARI)		
	1 Tahun	Sejak Beroperasi (19 Januari 2012 sehingga 19 Januari 2015)
ASM SCPSLF (Sumber: Lipper)	0.62%	1.84%

PULANGAN TAHUNAN			
	Berakhir		
	* 19 Jan 2015	15 Jan 2014	15 Jan 2013
ASM SCPSLF (Sumber: Lipper)	0.60%	2.22%	2.74%

* Tarikh matang

Sila rujuk muka surat 35 bagi asas pengiraan.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

3. LAPORAN PENGURUS

Bagi tempoh matang berakhir 19 Januari 2015 (16 Januari 2014 sehingga 19 Januari 2015).


3.1 ANALISA PRESTASI TABUNG

3.1.1 BANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN OBJEKTIF PELABURAN


Bagi tempoh 19 Januari 2012 hingga 19 Januari 2015, Tabung telah berjaya mencapai objektif untuk melindungi modal pelaburan. Walau bagaimanapun ia tidak dapat mencapai objektif untuk memberi pulangan melebihi penanda arasnya. Berdasarkan sumber Lipper, pulangan Tabung untuk tempoh tersebut ialah sebanyak 5.64%. Bagi tempoh kewangan bermula 15 Januari 2014 sehingga 19 Januari 2015, pulangan Tabung ialah sebanyak 0.60%.

3.1.2 BANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN TANDA ARAS

Prestasi Tabung berbanding tanda aras bagi tempoh 15 Januari 2014 hingga 19 Januari 2015 dan sejak ia beroperasi adalah seperti berikut:-



Graf di atas mempamerkan pergerakan prestasi pulangan di antara ASM Syariah Capital Protected Sector Linked Fund dan penanda aras KLIRR bagi tempoh 15 Januari 2014 sehingga 19 Januari 2015. Sepanjang tempoh tersebut, NAB seunit Tabung meningkat sebanyak 0.60% berbanding penanda aras yang mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 3.59%.



Graf di atas mempamerkan pergerakan prestasi pulangan di antara ASM Syariah Capital Protected Sector Linked Fund dan penanda aras KLIRR sejak Tabung mula beroperasi pada 19 Januari 2012 sehingga tarikh matang 19 Januari 2015. Sepanjang tempoh tersebut, NAB seunit Tabung meningkat sebanyak 5.64% berbanding penanda aras yang mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 10.66%.

* Kadar 12-bulan KLIRR adalah 3.55% setahun.
(Sumber: BNM melalui <http://iimm.bnm.gov.my>)

3.2 ANALISA PRESTASI TABUNG BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT

Sepanjang tempoh kajian, NAB seunit Tabung menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.0032 atau 0.60% iaitu daripada RM0.5214 pada 15 Januari 2014 kepada RM0.5246 bagi tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015.

3.3 POLISI DAN STRATEGI PELABURAN

Bagi tempoh kajian bermula daripada tarikh Tabung beroperasi iaitu pada 19 Januari 2012 sehingga tarikh matang 19 Januari 2015, Pengurus Tabung telah melabur sebahagian besar dana ke dalam Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC) di institusi-institusi kewangan yang memberi purata pulangan tahunan yang lebih rendah berbanding penanda aras sebagai pelindung modal. Selebihnya telah dilaburkan dalam saham-saham syarikat patuh Syariah yang berpotensi untuk berkembang serta instrumen pasaran wang patuh Syariah jangka pendek.


3.4 PENGAGIHAN ASET-ASET TABUNG

Pecahan seunit mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-


PECAHAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET				
	19 Jan 2015 (%)	15 Jan 2014 (%)	Naik/ (Turun) (%)	Purata Pendedahan Pelaburan (%)
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC)	-	93.14	(93.14)	46.57
Ekuiti	-	4.76	(4.76)	2.38
Simpanan Al-Mudharabah, tunai dan lain-lain	100.00	2.10	97.90	51.05

Tabung mula beroperasi pada 19 Januari 2012 dan telah matang pada 19 Januari 2015 iaitu tiga tahun selepas ia mula beroperasi. Memandangkan Tabung telah mencapai tarikh matang, kesemua pelaburan telah dcairkan 100% bagi tujuan pembayaran balik kepada pemegang unit.

PENGAGIHAN ASET SCPSLF PADA 19/01/2015



PENGAGIHAN ASET SCPSLF PADA 15/01/2014



3.5 SUASANA EKONOMI NEGARA

Secara makro, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.8% pada suku keempat 2014 (S3 2014: 5.6%). Prestasi positif itu didorong oleh peningkatan eksport yang baik dan permintaan kukuh pada peringkat domestik terutama oleh sektor swasta. Dari segi penawaran, semua sektor mencatat pertumbuhan positif dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Secara keseluruhannya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2014 berkembang 6.0% berbanding 4.7% pada tahun 2013.

Pertumbuhan KDNK Malaysia Untuk Suku Keempat 2014

Sektor Penawaran	2014 S4	2014 S3	2013 S4	Sektor Permintaan	2014 S4	2014 S3	2013 S4
Pertanian	-2.8%	4.0%	0.2%	Penggunaan Akhir Swasta	7.8%	6.7%	7.4%
Perlombongan	9.6%	1.4%	-1.2%	Penggunaan Akhir Kerajaan	2.7%	5.3%	5.2%
Pembuatan	5.2%	5.4%	5.2%	Pembentukan Modal Tetap Kasar	4.3%	1.1%	6.5%
Pembinaan	8.7%	9.6%	9.8%	Eksport	1.5%	2.8%	5.7%
Perkhidmatan	6.4%	6.2%	6.4%	Import	2.6%	2.2%	7.1%
KDNK	5.8%	5.6%	5.1%	KDNK	5.8%	5.6%	5.1%

(Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia)

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), ialah pada 2.7% (tahun-ke-tahun) bagi bulan Disember 2014 (November 2014: 3.0%). Inflasi makanan ialah pada kadar 2.4% (November 2014 : 2.9%) manakala inflasi bukan makanan pada kadar 2.8% (November 2014 : 3.1%). Bagi tempoh 12 bulan 2014, IHP meningkat 3.2% berbanding 2.1% pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Kadar Inflasi Pada Disember 2014

Sektor	% Perubahan		
	bulan ke-bulan	tahun ke-tahun	Jan - Dis 2014
Inflasi	(0.1)	2.7	3.2
Inflasi - makanan	0.3	2.4	3.3
Inflasi - bukan makanan	(0.3)	2.8	3.1

(Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat sebanyak 7.4% (tahun-ke-tahun) pada bulan Disember 2014 (November 2014: 4.7%). Peningkatan dalam bulan Disember ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam semua indeks: pembuatan (7.8%), perlombongan (6.9%) dan elektrik (3.0%). Bagi tempoh 12 bulan 2014, IPP meningkat 5.8% berbanding 4.8% pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Kadar IPI Pada Disember 2014

Sektor	% Perubahan		
	bulan ke- bulan	tahun ke- tahun	Jan - Dis 2014
IPI	2.0	7.4	5.8
Indeks Perlombongan	(0.9)	6.9	8.6
Indeks Pembuatan	3.6	7.8	4.9
Indeks Elektrik	0.1	3.0	3.2

(Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia)

Eksport pada bulan Disember 2014 menokok 2.7% (tahun-ke-tahun) kepada RM67.7 billion manakala import menokok 4.2% kepada RM58.5 billion. Jumlah eksport meningkat 6.5% kepada RM766.1 billion pada tahun 2014 dari 2013 manakala jumlah import meningkat 5.3% kepada RM683.0 billion. Bagi tahun 2014, Malaysia mencatat lebih dagangan sebanyak RM83.1 billion berbanding RM71.2 billion pada tahun 2013.

3.6 SUASANA BURSA SAHAM TEMPATAN

Bagi tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015, penanda aras utama ekuiti patuh Syariah Malaysia iaitu Indeks FBMSHA mencatat penurunan 231.93 mata atau 1.81% kepada 12,551.16, manakala penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu FBM KLCI pula menyusut 70.72 mata atau 3.88% kepada 1,753.31.

Bagi tempoh tersebut, FBMSHA mencatat paras tertinggi 15,515.17 mata pada 7 Julai 2014 dan paras terendah 11,814.71 mata pada 16 Disember 2014. Sementara itu, FBM KLCI mencatat paras tertinggi pada 8 Julai 2014, iaitu 1,892.65, manakala paras terendah pula ialah 1,673.94 mata pada 16 Disember 2014.

Julat pergerakan FBMSHA untuk tempoh tersebut ialah 3,700.46 mata berbanding julat sebanyak 2,158.45 mata pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Pasaran saham tempatan bergerak tidak menentu dalam suku keempat 2014. Pemulihan yang mulanya dilihat pada bulan Oktober bertukar secara mendadak di sebalik pengukuhan berterusan di *Wall Street*. Keputusan kewangan syarikat tersenarai di Malaysia yang dikeluarkan pada November sekali lagi mengecewakan dan menjejaskan lagi sentimen pasaran.

Suku keempat 2014 merupakan suku yang sukar bagi Malaysia, dengan kelemahan Ringgit berbanding dolar AS yang menyusut sebanyak 6.8% pada akhir 2014 kepada RM3.4973 untuk setiap US\$1 daripada RM3.2757 pada 31 Disember 2013 dan kejatuhan harga minyak mentah sebanyak 45.9% (berdasarkan kontrak *Brent*) kepada US\$53.27 pada akhir 2014 daripada US\$98.54 pada penutup tahun sebelumnya. Daripada perspektif pasaran bukan kewangan, Malaysia telah dilanda banjir buruk pada akhir Disember selain daripada kemalangan tragis AirAsia QZ8501 Indonesia pada 28 Disember 2014.

Secara keseluruhannya, pasaran saham tempatan berada dalam persekitaran yang mencabar disebabkan ketidaktentuan terhadap isu ekonomi dunia; antara lain disebabkan oleh langkah Amerika Syarikat mengurangkan dan seterusnya menghentikan sepenuhnya program pembelian aset oleh *Federal Reserve*, prospek pertumbuhan yang perlahan dalam beberapa ekonomi negara sedang pesat membangun ditambah dengan perkembangan geopolitik di Eropah Timur, pertumbuhan ekonomi China yang perlahan yang dikhuatiri tidak mampu menyokong harga komoditi serta perdagangan serantau, kejatuhan ketara harga minyak mentah dunia dan kebimbangan merebaknya wabah Ebola.

3.7 SUASANA PASARAN WANG TEMPATAN SEMASA

Dalam tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015, Jawatankuasa Dasar Kewangan (*Monetary Policy Committee, MPC*) Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan sekali Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) kepada 3.25% setahun daripada 3.00% setahun pada 10 Julai 2014 dan mengekalkan *OPR* dalam dua mesyuarat yang berikutnya.

Kenaikan yang dilakukan pada 10 Julai 2014 adalah kerana pada masa itu inflasi dijangka melebihi kadar jangka panjangnya disebabkan oleh faktor kos domestik yang lebih tinggi di samping untuk mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara. *OPR* telah dikekalkan dalam dua mesyuarat *MPC* yang berikutnya pada 18 September dan 6 November 2014.

BNM dalam kenyataan rasminya berpendapat ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana. Pertumbuhan ekonomi negara-negara maju adalah tidak sekata. Di Asia, pertumbuhan disokong oleh perkembangan permintaan dalam negara dan eksport yang berterusan. Melangkah ke hadapan, meskipun momentum pertumbuhan global secara keseluruhan dijangka bertambah baik, ramalan pertumbuhan telah dikurangkan disebabkan oleh aktiviti yang lemah di beberapa ekonomi utama. Oleh itu, risiko pertumbuhan global menjadi semakin perlahan telah meningkat. Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa turut meningkat.

Bagi Malaysia, permintaan dalam negara terus menyokong pertumbuhan eksport tetapi ia telah menunjukkan tanda-tanda penyederhanaan. Permintaan dalam negara dijangka kekal sebagai pemacu pertumbuhan yang utama. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana, manakala aktiviti pelaburan diunjurkan kekal teguh, disokong oleh perbelanjaan modal yang menyeluruh oleh kedua-dua sektor swasta dan awam. Trend yang sederhana ini akan memberi kesan kepada prospek pertumbuhan keseluruhan, namun ekonomi Malaysia masih diunjurkan kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil.

Inflasi pada tahun 2015 diunjurkan melebihi paras purata yang pernah dicatatkan, iaitu antara 3% dan 4% (2014: 3.2%; 2013: 2.1%) disebabkan oleh faktor kos domestik ekoran pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) berkuatkuasa 1 April 2015. Walau bagaimanapun, ketiadaan tekanan harga luaran dan keadaan permintaan yang lebih sederhana dijangka mengurangkan kesan faktor kos ini terhadap inflasi asas.

Pendirian dasar monetari BNM pada masa ini kekal akomodatif, mengikut penilaian berdasarkan perkembangan keadaan monetari dan kewangan. Pada masa hadapan, penilaian yang teliti mengenai imbalan risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negara dan inflasi akan diteruskan oleh BNM di samping terus berwaspada terhadap risiko ketidakseimbangan kewangan. Ini bagi memastikan pendirian dasar monetari adalah sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

(Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia)

3.8 PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015.

3.9 KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Sepanjang tempoh kajian, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan Pemegang-Pemegang Unit selain daripada urusanniaga-urusanniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

3.10 REBET DAN KOMISEN TIDAK LANGSUNG

Sepanjang tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015, Pengurus tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham dan analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

4. PENYATAAN PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND

Kami, sebagai Pengarah kepada PMB INVESTMENT BERHAD (dahulunya dikenali sebagai ASM Investment Services Berhad) selaku Pengurus ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung pada 19 Januari 2015, perubahan dalam ekuiti, prestasi kewangan serta aliran tunai Tabung untuk tempoh kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Untuk dan bagi pihak

PMB INVESTMENT BERHAD

(Dahulunya dikenali sebagai ASM Investment Services Berhad)

Selaku Pengurus, ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND

AMEER ALI BIN VALI MOHAMED

Pengarah

AHMAD NAZIM BIN ABD RAHMAN

Pengarah

KUALA LUMPUR

10 Mac 2015

5. LAPORAN JURUAUDIT

Kepada Pemegang-Pemegang Unit ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan dan jadual untuk ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 19 Januari 2015, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai untuk tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015 dan dasar perakaunan serta nota-nota penjelasan yang dibentangkan.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah ke atas penyata kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia dan Pengurus menentukan kawalan dalaman yang berkaitan untuk memastikan penyediaan penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara samada melibatkan penipuan atau kesilapan. Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dalam keadaan sempurna seperti yang dikehendaki bagi memperolehi pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami memenuhi kehendak etika dan perancangan serta pelaksanaan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan merangkumi pelaksanaan bagi memperolehi prosedur, bukti-bukti berkaitan kepada amaun-amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada melibatkan penipuan atau kesilapan. Dalam menentukan penilaian risiko, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan Tabung yang saksama bagi mencapai kaedah pengauditan yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk mengemukakan pandangan terhadap keberkesanan kawalan dalaman Tabung tersebut. Pengauditan juga meliputi penilaian terhadap dasar perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran perakaunan yang penting yang dibuat oleh Pengurus, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami berpendapat bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian bagi memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan Tabung memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung pada 19 Januari 2015 dan prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Tabung untuk tempoh kewangan berakhir 19 Januari 2015 selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS). Kami juga mengesahkan pengiraan Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Pusing Ganti Portfolio yang dibentangkan pada nota 18 dan 19 adalah bertepatan dan munasabah.

Lain-Lain Perkara

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat yang bebas berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan dan dengan tiada tujuan lain untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan kepada anda, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

AHMAD ABDULLAH & GOH AF-0381
Akauntan Bertauliah
Juruaudit

GOH KENG JUAY 461/05/15(J)
CA(M), FCA(E&W)
Rakan Kongsi

KUALA LUMPUR

10 Mac 2015

6. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD, telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND bagi tempoh kewangan dari 16 Januari 2014 hingga 19 Januari 2015 (Tarikh Matang). Pada pendapat kami, PMB INVESTMENT BERHAD (dahulunya dikenali sebagai ASM Investment Services Berhad), selaku Pengurus, telah mengurus ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan dari 16 Januari 2014 hingga 19 Januari 2015 (Tarikh Matang).

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND adalah mencukupi dan penilaian/penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- b) perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk dan bagi pihak
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

11 Mac 2015

7. PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH

PEMEGANG-PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI

Kami telah bertindak sebagai Penasihat Syariah kepada PMB INVESTMENT BERHAD bagi ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND untuk tahun kewangan berakhir 19 Januari 2015. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan prosedur dan proses yang dilaksanakan oleh PMB INVESTMENT BERHAD serta peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Suratikatan bertarikh 21 September 2011 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 22 September 2011 adalah mematuhi Syariah.

Pada pendapat kami, untuk tahun kewangan berakhir 19 Januari 2015, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND mengikut kehendak Syariah dan mematuhi garis panduan, arahan dan keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari aspek Syariah.

Kami juga berpendapat bahawa ASM SYARIAH CAPITAL PROTECTED SECTOR LINKED FUND yang dikendalikan oleh PMB INVESTMENT BERHAD adalah mengandungi sekuriti-sekuriti yang dikategorikan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan deposit adalah dengan institusi kewangan Islam yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk dan bagi pihak
BIMB SECURITIES SDN BHD

IR. DR. MUHAMAD FUAD ABDULLAH
Pegawai Syariah Yang Dilantik

KUALA LUMPUR

12 Mac 2015

8. PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 19 JANUARI 2015 (TARIKH MATANG)

	NOTA	19.01.2015 RM	15.01.2014 RM
ASET			
PELABURAN			
	4	-	3,432,875
Saham Tersiarharga Di Malaysia			
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga Dengan Institusi Kewangan Berlesen Di Malaysia	5	-	63,266,109
Simpanan Al-Mudharabah Dengan Institusi Kewangan Berlesen Di Malaysia	6	-	1,024,669
		-	67,723,653
LAIN-LAIN ASET			
Terhutang oleh Broker Saham		-	272,371
Keuntungan Dari Sijil Hutang Islam Boleh Niaga Diterima Terakru		-	4,074,337
Keuntungan Dari Simpanan Al-Mudharabah Diterima Terakru		-	239
Dividen Diterima Terakru		-	17,325
Tuntutan Cukai	10	10	10
Simpanan Al-Mudharabah	7	72,851,000	-
Simpanan Al-Wadiah		194,895	235,677
		73,045,905	4,599,959
JUMLAH ASET		73,045,905	72,323,612
LIABILITI			
Terhutang Kepada Pengurus	8	28,369	22,282
Terhutang Kepada Pemegang Amanah		3,026	2,377
Tazkiah	9	-	146
Peruntukan Cukai		339,420	-
Lain-Lain Sipiutang		8,920	6,280
JUMLAH LIABILITI		379,735	31,085
EKUITI			
Modal Unit Bersih	10	68,728,546	68,801,802
Keuntungan Berkumpul		3,937,624	3,490,725
JUMLAH EKUITI		72,666,170	72,292,527
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		73,045,905	72,323,612
UNIT DALAM EDARAN	10	138,528,860	138,667,991
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM)	11	0.5246	0.5213

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
UNTUK TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 19 JANUARI 2015
(TARIKH MATANG)**

	<u>NOTA</u>	Dari 16.01.2014 hingga <u>19.01.2015</u> RM	<u>15.01.2014</u> RM
PENDAPATAN PELABURAN			
Keuntungan Dari Simpanan Al-Mudharabah		34,630	56,553
